



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

DASAR ARTIKULASI TVET

Kementerian Pendidikan Tinggi

**BAHAGIAN DASAR DAN PENYELIDIKAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
2026**

ISI KANDUNGAN

Glosari	i	
Senarai Singkatan	ii	
1.0	PENDAHULUAN	
1.1	Latar Belakang	3 - 4
1.2	Objektif	5
1.3	Skop Pemakaian Dasar	5
2.0	PELAKSANAAN ARTIKULASI	
2.1	Definisi Operasi	6
2.2	Objektif Artikulasi	6
2.3	Punca Kuasa	7 - 8
2.4	Dasar dan Kaedah Pelaksanaan	
2.4.1	Dasar Umum	8 - 9
2.4.2	Artikulasi Sijil ke Diploma	9
2.4.3	Artikulasi Diploma ke Sarjana Muda	10
2.5	Potensi Pelaksanaan	11
2.6	Model Pelaksanaan	
2.6.1	Artikulasi Politeknik – MTUN	12 - 14
3.0	PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB	15
Rujukan		16

GLOSARI

Program TVET	Program yang diakreditasi berdasarkan kepada Kod Amalan Akreditasi Program TVET (<i>Code of Practice for TVET Programme Accreditation</i> , COPTPA)
Artikulasi	Proses pemadanan atau pemetaan kurikulum secara formal bagi mengenal pasti kursus atau siri kursus daripada sesuatu program adalah dalam bidang yang sama atau setara
Pindah kredit	Suatu proses memindahkan kredit bagi kursus yang telah diambil oleh pelajar melalui pembelajaran terdahulu ke dalam program pengajian semasa. Proses ini membolehkan kredit tersebut diambil kira sebagai sebahagian daripada keperluan kredit bergraduat bagi program semasa yang diikuti pelajar
Institusi KPT	Merujuk kepada UA, IPTS, Politeknik dan Kolej Komuniti
Institusi TVET KPT	Merujuk kepada MTUN dan Politeknik dan Kolej Komuniti

SENARAI SINGKATAN

KPT	Kementerian Pendidikan Tinggi
BDP	Bahagian Dasar dan Penyelidikan
JPPKK	Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
MTUN	Rangkaian Universiti-universiti Teknikal Malaysia (Malaysian Technical Universities Network)
IPT	Institusi Pendidikan Tinggi
UA	Universiti Awam
MQA	Agensi Kelayakan Malaysia (<i>Malaysian Qualifications Agency</i>)
MQF	Kerangka Kelayakan Malaysia (<i>Malaysian Qualifications Framework</i>)
UTHM	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
UTeM	Universiti Teknikal Malaysia Melaka
UniMAP	Universiti Malaysia Perlis
UMPSA	Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah
TVET	Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (<i>Technical and Vocational Education and Training</i>)
RPTM 2026-2035	Rancangan Pendidikan Tinggi Malaysia 2026-2035
MPU	Mata Pelajaran Umum
JKPT	Mesyuarat Jawatankuasa Pendidikan Tinggi
SO	Strategik Objektif

1.0 PENDAHULUAN


1.1 Latar Belakang

Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) merupakan salah satu laluan pendidikan kepada pelajar untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi sehingga ke universiti. Dalam konteks ini, pembangunan ekosistem TVET yang menyeluruh dan mudah diakses memainkan peranan penting dalam memastikan laluan pendidikan ini kekal inklusif, fleksibel dan diiktiraf. Bagi merealisasikan hasrat ini, pendekatan artikulasi diperkenalkan sebagai mekanisme utama menyokong kesinambungan laluan pendidikan yang ditawarkan oleh pelbagai institusi.

Artikulasi TVET digariskan dalam Dasar TVET Negara 2030 di bawah Teras B: Kualiti dan Laluan Pendidikan Bertaraf Dunia melalui Strategi 7, iaitu menambah baik laluan artikulasi TVET ke peringkat pengajian yang lebih tinggi. Di peringkat Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), artikulasi turut disenaraikan sebagai salah satu inisiatif strategik Kementerian dalam Pelan Tindakan 2026-2028 bagi Rancangan Pendidikan Tinggi Malaysia (RPTM) 2026-2035, sebagai sokongan kepada agenda pemerkasaan pendidikan tinggi negara.

KPT telah melaksanakan inisiatif artikulasi TVET secara sistematik mulai tahun 2023 melalui pelaksanaan artikulasi Politeknik–Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN). Inisiatif ini membolehkan graduan diploma politeknik yang melanjutkan pengajian ke peringkat sarjana muda di MTUN memperoleh pindah kredit secara optimum, mengurangkan tempoh dan kos pengajian. Selain itu, usaha ini juga memastikan kesinambungan pembelajaran antara institusi TVET KPT, khususnya dalam bidang Teknologi dan Teknologi Kejuruteraan.

Pelaksanaan artikulasi turut memperkukuh laluan pendidikan TVET KPT secara lebih tersusun. Rajah 1 menunjukkan bagaimana pelajar yang menamatkan pengajian di peringkat menengah mempunyai dua pilihan laluan pendidikan iaitu akademik dan TVET di pelbagai institusi. Artikulasi membolehkan kepelbagaian ini diharmonikan dalam satu laluan yang jelas dan menarik tanpa menjejaskan kualiti pembelajaran dan kompetensi graduan.



Petunjuk:



Laluan akademik



Laluan sektor akademik dan TVET



Laluan Artikulasi Politeknik-MTUN



Laluan TVET



Laluan dalam sektor yang sama

PhD = Doktor Falsafah / Doctor of Philosophy

DLKM = Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia / Malaysian Advanced Skills Diploma

SVM = Sijil Vokasional Malaysia / Malaysian Vocational Certificate

SPM = Sijil Pelajaran Malaysia / Malaysian Certificate of Education

DKM = Diploma Kemahiran Malaysia / Malaysian Skills Diploma

DVM = Diploma Vokasional Malaysia / Malaysian Vocational Diploma

STPM = Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia / Malaysian Higher Certificate of Education

MTUN = Rangkaian Universiti-universiti Teknikal Malaysia / Malaysian Technical University

SKM = Sijil Kemahiran Malaysia / Malaysian Skills Certificate

Rajah 1: Carta Alir Laluan Pendidikan Akademik dan TVET

1.2 Objektif

Objektif dokumen dasar ini adalah seperti berikut:

- i. Menyediakan panduan yang jelas kepada institusi KPT serta pihak berkepentingan dalam merancang dan melaksanakan artikulasi antara program dan institusi TVET;
- ii. Menjadi rujukan utama bagi melaksanakan artikulasi TVET, termasuk proses penilaian akreditasi program;
- iii. Memastikan pelaksanaan artikulasi TVET merentas institusi KPT dilaksanakan secara seragam; dan
- iv. Memastikan pelaksanaan artikulasi TVET mematuhi keperluan dasar, piawaian serta prinsip jaminan kualiti yang ditetapkan.

1.3 Skop Pemakaian Dasar

Dasar ini terpakai kepada pelaksanaan:

- i. Artikulasi TVET dalam kalangan institusi KPT; dan
- ii. Artikulasi TVET antara institusi KPT dan institusi TVET kementerian lain.

2.0 PELAKSANAAN ARTIKULASI

2.1 Definisi Operasi


Artikulasi merujuk kepada proses pepadanan atau pemetaan kurikulum secara formal bagi mengenal pasti kursus atau siri kursus daripada sesuatu program adalah dalam bidang yang sama atau setara. Proses ini membolehkan kredit kursus tersebut digunakan sebagai pengganti kepada kursus tertentu bagi memperoleh kelayakan yang lebih tinggi. Pendekatan ini meningkatkan fleksibiliti laluan pendidikan serta mengiktiraf pembelajaran terdahulu melalui prinsip pindah kredit secara menegak (*vertical*) yang ditetapkan oleh KPT.

Artikulasi TVET merujuk kepada proses artikulasi program TVET untuk membolehkan pelajar melanjutkan pengajian tanpa perlu mengulang kursus yang sama atau setara. Dalam konteks KPT, inisiatif artikulasi TVET dilaksanakan bagi program TVET berdasarkan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF).

2.2 Objektif Artikulasi TVET

Pelaksanaan artikulasi TVET bertujuan untuk:

- i. Menyediakan laluan akademik secara sistematik dan berkesinambungan kepada pelajar TVET;
- ii. Menyelaraskan kurikulum program merentas institusi TVET bagi memastikan keseragaman, integrasi dan jaminan kualiti akademik;
- iii. Memperluas akses untuk meningkatkan kadar kemasukan pelajar ke program TVET pada tahap kelayakan lebih tinggi;
- iv. Memendekkan tempoh masa pengajian bagi mempercepatkan peralihan pelajar ke alam pekerjaan; dan
- v. Mengoptimumkan perbelanjaan awam dengan mengurangkan kos pembiayaan pendidikan tinggi.



Rajah 2: Perbezaan antara Laluan Artikulasi dan Tanpa Artikulasi

2.3 Punca Kuasa

Inisiatif artikulasi TVET dilaksanakan berdasarkan kepada punca kuasa berikut:

- Aspirasi YB Menteri KPT Tahun 2023 bagi mengukuhkan ekosistem TVET KPT melalui pelaksanaan inisiatif artikulasi daripada program diploma politeknik kepada sarjana muda MTUN;
- Mesyuarat Pengurusan Tertinggi Bil. 16/2024 pada 5 Jun 2024 dan Mesyuarat Pengurusan Tertinggi Bil. 19/2024 pada 12 Julai 2024 berhubung penetapan dasar pindah kredit minimum sebanyak 40 kredit atau setara dengan pengecualian satu (1) tahun pengajian dalam pelaksanaan artikulasi Politeknik–MTUN;

- iii. Hala Tuju Transformasi Politeknik 2023–2030 melalui Strategik Objektif (SO) kedua: Meningkatkan Sinergi antara Politeknik dan MTUN bagi Memendekkan Tempoh Pengajian Sehingga ke Peringkat Ijazah Sarjana Muda;
- iv. MTUN TVET Termaju 2030 melalui Bab 2: Kecemerlangan Akademik dan Antarabangsa, menggariskan artikulasi sebagai salah satu strategi perluasan akses dan kemasukan pelajar ke program TVET; dan
- v. Dasar TVET Negara 2030 di bawah Teras B: Kualiti dan Laluan Pendidikan Bertaraf Dunia berdasarkan Strategi 7: Menambahbaik Artikulasi TVET ke Peringkat Lebih Tinggi.

2.4 Dasar dan Kaedah Pelaksanaan

Pelaksanaan artikulasi TVET hendaklah mematuhi dasar yang ditetapkan seperti berikut:

- i. Dasar Umum
- ii. Artikulasi Sijil ke Diploma
- iii. Artikulasi Diploma ke Sarjana Muda

2.4.1 Dasar Umum

- i. Artikulasi TVET KPT dilaksanakan bagi program TVET berdasarkan MQF;
- ii. Pelaksanaan artikulasi menekankan prinsip pindah kredit daripada satu tahap kelayakan kepada satu tahap kelayakan lebih tinggi iaitu boleh melibatkan peralihan daripada tahap sijil kepada diploma atau diploma kepada sarjana muda;
- iii. Proses pindah kredit dalam pelaksanaan artikulasi perlu mematuhi dasar pindah kredit yang ditetapkan oleh KPT, tertakluk perubahan dari semasa ke semasa. Dasar pindah kredit sedia ada berasaskan kepada pemetaan kursus (*subject to subject mapping*) dan syarat umum seperti berikut:

- Gred lulus - gred minimum iaitu gred C;
 - Nilai kredit - sama dengan nilai kredit kursus bagi program PPT penerima;
 - Kesetaraan kurikulum kursus - tidak kurang 80%; dan
 - Kursus yang boleh dipindah kredit hendaklah daripada program yang telah mendapat Akreditasi (termasuk Akreditasi Sementara) / Pengiktirafan dari badan yang berautoriti di negara berkenaan.
- iv. Bagi program di bawah seliaan badan profesional, proses artikulasi perlu merujuk kepada standard yang ditetapkan oleh badan profesional; dan
- v. Keutamaan Artikulasi TVET KPT adalah melalui artikulasi Politeknik-MTUN seperti yang diperinci dalam **Perkara 2.6**. Oleh itu, artikulasi bagi suatu program diploma politeknik ke program sarjana muda di institusi penerima yang sama atau institusi lain tidak boleh menjejaskan kurikulum yang telah dipersetujui melalui artikulasi Politeknik-MTUN.

2.4.2 Artikulasi Sijil ke Diploma

- i. Artikulasi dilaksanakan melalui pindah kredit yang dibenarkan oleh KPT dengan pindahan maksimum 30% daripada jumlah kredit bergraduat; dan
- ii. Kursus daripada peringkat sijil yang diberikan pindah kredit semasa pengajian di peringkat diploma tidak boleh digunakan untuk permohonan pindah kredit di peringkat sarjana muda.

2.4.3 Artikulasi Diploma ke Sarjana Muda

















- a. Proses pindah kredit bagi kursus di peringkat diploma ke sarjana muda perlu mematuhi dasar pindah kredit secara menegak (*vertical*) yang ditetapkan oleh KPT berdasarkan Surat Makluman MQA Bil. 2/2020 bertarikh 30 Januari 2020 seperti berikut:
- i. Pindah kredit maksimum sebanyak 50% daripada jumlah kredit program dengan memenuhi ketetapan berikut:

Peratusan Pindah Kredit (%)	Gred Minimum Kursus
1 hingga 30	Gred C
31 hingga 50	Gred B

- b. Artikulasi Politeknik-MTUN:
- i. Artikulasi dilaksanakan secara menyeluruh melibatkan semua program teknologi kejuruteraan di MTUN dan Politeknik dengan minimum 40 kredit atau pengecualian sekurang-kurangnya satu (1) tahun pengajian diberikan bagi artikulasi program dalam bidang yang sama; dan
- ii. Bagi program selain bidang teknologi kejuruteraan, tiada had minimum jumlah kredit yang ditetapkan.

2.5 Potensi Pelaksanaan

Pelaksanaan Artikulasi TVET KPT tidak terhad kepada artikulasi Politeknik-MTUN. Sebaliknya boleh diperluaskan kepada institusi lain di bawah KPT serta institusi TVET di luar kementerian. Secara dasar, pelaksanaan artikulasi boleh dilaksanakan melalui kerjasama strategik antara mana-mana institusi pengeluar graduan dengan institusi penerima seperti berikut:

INSTITUSI			SIJIL	DIPLOMA	SARJANA MUDA
	Kolej Komuniti	→ Kolej Komuniti			
	Kolej Komuniti	→ Politeknik			
	Politeknik	→ Politeknik			
	Politeknik	→ MTUN			
	Politeknik	→ Institusi Lain			
	MTUN	→ Politeknik			
	MTUN	→ MTUN			
	MTUN	→ Institusi Lain			
	Institusi Lain	→ Politeknik			
	Institusi Lain	→ MTUN			

Rajah 3: Potensi artikulasi antara pelbagai institusi yang boleh dilaksanakan dalam ekosistem TVET KPT

2.6 Model Pelaksanaan

2.6.1 Artikulasi Politeknik - MTUN


Artikulasi Politeknik - MTUN merupakan satu inisiatif strategik bagi memperkasa ekosistem TVET KPT. Usaha ini diselaraskan secara berstruktur melalui Unit TVET, Bahagian Dasar dan Penyelidikan, KPT. Inisiatif ini dilaksanakan oleh Bahagian Kurikulum, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) dan MTUN iaitu Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).

Pelaksanaannya dirancang meliputi dua fasa iaitu Fasa A pada tahun 2024 melibatkan 68 program sarjana muda MTUN dalam 7 bidang pengajian. Manakala, Artikulasi Fasa B dilaksanakan pada tahun 2025 melibatkan 51 program sarjana muda MTUN dalam 10 bidang pengajian. Keseluruhannya, sehingga Disember 2025 sebanyak 119 program sarjana muda MTUN telah diartikulasi dengan diploma politeknik. Kemudahan ini dijangka dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh pelajar yang layak mulai tahun 2026.


Pelaksanaan artikulasi ini memberi kemudahan kepada lepasan diploma politeknik bagi melanjutkan pengajian ke peringkat sarjana muda di MTUN dalam tempoh yang lebih singkat. Pelajar berpeluang menikmati pemindahan minimum 40 kredit, bersamaan pengecualian satu (1) tahun pengajian apabila melanjutkan pengajian ke program Teknologi Kejuruteraan dan program lain yang berkaitan di MTUN.

Artikulasi Politeknik-MTUN berperanan sebagai pemangkin bagi memperluas akses pendidikan tinggi kepada pelajar lepasan diploma politeknik, memendekkan tempoh dan mengurangkan kos pengajian sarjana muda di MTUN. Seterusnya menjadi asas kepada pengukuhan ekosistem TVET KPT melalui pelaksanaan dasar yang strategik dan komprehensif. Pendekatan ini turut memberi nilai tambah kepada program TVET sekali gus meningkatkan akses pelajar ke program TVET KPT.

Proses Artikulasi Politeknik-MTUN melibatkan beberapa peringkat pelaksanaan seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4(i) dan Rajah 4(ii):



Rajah 4(i): Proses Artikulasi Politeknik - MTUN



Rajah 4(ii): Proses Artikulasi Politeknik - MTUN

3.0 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

- 3.1** Penyelarasan dan pemantauan artikulasi TVET di peringkat KPT dilaksanakan oleh Unit TVET di Seksyen Dasar Strategik, Bahagian Dasar dan Penyelidikan (BDP). Pemantauan ini bertujuan memastikan keselarasan dasar dan kelangsungan pelaksanaan artikulasi sebagai salah satu inisiatif strategik yang menambah nilai program dan memperkasa ekosistem TVET KPT.
- 3.2** Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang terlibat bertanggungjawab dalam pelaksanaan artikulasi TVET melalui empat (4) fungsi utama yang berikut:
- i. Perancangan – merancang laluan artikulasi dan membuat padanan serta pemetaan kurikulum antara program;
 - ii. Pelaksanaan – mengurus dan menawarkan laluan artikulasi kepada pelajar yang layak;
 - iii. Jaminan kualiti – memantau kualiti pelaksanaan program bagi memastikan keseragaman dan keberkesanan laluan artikulasi; dan
 - iv. Promosi – menghebahkan peluang artikulasi sebagai inisiatif yang menambah nilai program TVET KPT dan memberi manfaat kepada pelajar.
- 3.3** Mekanisme pelaksanaan hendaklah dijalankan secara teliti, teratur dan sistematik bagi memastikan setiap pelajar yang layak memperoleh manfaat secara optimum dan kemudahan artikulasi antara IPT dilaksanakan secara berterusan oleh institusi.
- 3.4** Pelaksanaan artikulasi adalah tertakluk kepada dasar pindah kredit yang dikeluarkan oleh KPT.

RUJUKAN

Agensi Kelayakan Malaysia. (2020). Surat Maklumat MQA Bil. 2/2020: Penambahbaikan Dasar Pindah Kredit.

Agensi Kelayakan Malaysia. (2025). *Guidelines on Articulation Between TVET and Academic* (Edisi Pertama).

Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik, Agensi Kelayakan Malaysia. (2017). *Kompilasi Dasar Jaminan Kualiti Pendidikan Tinggi 2009–2017* (Edisi Kedua).

Bahagian Kurikulum, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti. (2024). *Slaid Mengurangkan Tempoh Pengajian Melalui Artikulasi Program Pengajian*.

Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti. (2023). *Hala Tuju Transformasi Politeknik 2023–2030*.

Kamalrudin, M., Ibrahim, Z., Omar, G., & Mohamad Rahimi, S. R. (2024). *Merintis TVET termaju: Rentas dunia rentas budaya*. UTeM Press.

Kementerian Pendidikan Tinggi. (2024). Minit Mesyuarat Pengurusan Tertinggi (MPT) Kementerian Pendidikan Tinggi Bil. 16/2024.

Kementerian Pendidikan Tinggi. (2024). Minit Mesyuarat Pengurusan Tertinggi (MPT) Kementerian Pendidikan Tinggi Bil. 19/2024.

Kementerian Pendidikan Tinggi. (2026). *Pelan Tindakan 2026–2028 bagi Rancangan Pendidikan Tinggi Malaysia 2026–2035*.

Sekretariat Majlis TVET Negara. (2024). *Dasar TVET Negara 2030* (Edisi Pertama).

Sekretariat Majlis TVET Negara. (n.d.). *Slaid Ekosistem Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Negara*.